

U 8/13 AAB  
MAHATHIR - GSP

KUALA LUMPUR, 25 MEI (BERNAMA) -- MALAYSIA AKAN BERUSAHA MENJELASKAN KEPADA AMERIKA SYARIKAT MENGENAI KEADAAN SEBENAR PEKERJA DI NEGARA INI AGAR SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG DINIKMATI SEKARANG TIDAK DITARIK BALIK, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN AKAN CUBA BERHUBUNG TERUS DENGAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT AGAR IA TIDAK MENERIMA PETISYEN TABUNG PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN HAK ASASI PEKERJA ANTARABANGSA SUPAYA TARAF YANG DIBERIKAN KEPADA MALAYSIA ITU DITARIK BALIK.

+KITA PERLU MEMPERTAHANKAN KEDUDUKAN NEGARA MEMANDANGKAN BANYAK PERCUBAAN YANG CUBA SEKAT KEMERDEKAAN DAN KEBEBASAN NEGARA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENYAKSIKAN RAPTAI UPACARA PERASMIAN PERSIDANGAN KEMUNCIAK ITU, DI DEWAN BANKUASI DI BANGUNAN PARLIMEN, DI SINI.

KATANYA, BADAN-BADAN DAN KUMPULAN PENDESAK BERKENAAN MEMPUNYAI KEPENTINGAN TERTENTU TANPA MENGAMBIL KIRA HUBUNGAN PERSAHABATAN ANTARA NEGARA.

BELIAU BERKATA, KUMPULAN ITU MEMPUNYAI PANDANGAN SEMPIT DAN HANYA MENUMPUKAN KEPADA SOAL TERTENTU SAHAJA IAITU KONONNYA TIDAK WUJUD KEBEBASAN DI MALAYSIA. -- LAGI.

1606MST 25 05 90

D389

U 8714 AAB  
MAHATHIR - GSP 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, BANYAK NEGARA LAIN JUGA TIDAK MEMPUNYAI KEBEBASAN TETAPI KUMPULAN ITU TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA TERHADAP NEGARA BERKENAAN.

+SAYA NAK TAHU APAKAH TINDAKAN MEREKA TERHADAP AFRIKA SELATAN MISALNYA. APAKAH MEREKA MENDESAK AMERIK SYARIKAT MEMUTUSKAN HUBUNGAN DENGAN AFRIKA SELATAN DI MANA PEKERJA TIDAK MEMPUNYAI HAK SAMA SEKALI?+ TANYA BELIAU.

BELIAU BERKATA, OLEH KERANA MALAYSIA BERSIKAP LIBERAL DAN MENERIMA MEREKA, MAKA MEREKA CUBA MENGUGUT.

+MALANGNYA ORANG KITA SENDIRI SOKONG MEREKA, SOKONG ORANG ASING DAN UGUT NEGARA SENDIRI. KITA TIDAK AKAN JADI NEGARA BEBAS SEKIRANYA KITA TUNDUK KEPADA ORANG LAIN,+ TAMBAH BELIAU, MERUJUK KEPADA BEBERAPA PEMIMPIN PEMBANGKANG DI NEGARA INI YANG MENYOKONG TINDAKAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN MEMBENTUK SESUATU DASAR MENGIKUT KEADAAN YANG WUJUD DI DALAM NEGARA IAITU MEMELIHARA KEPENTINGAN PEKERJA DAN BUKANNYA MENINDAS. -- LAGI.

1608MST 25 05 90

U B719 AAB  
MAHATHIR - GSP 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, SIKAP KERAJAAN SEKARANG LEBIH LIBERAL BERBANDING DENGAN KEBANYAKAN NEGARA MAJU YANG LEBIH MENEKAN PEKERJA SUATU MASA DAHULU IAITU SEMASA MEREKA BERADA DI TAHAP YANG DIALAMI OLEH MALAYSIA SEKARANG.

BELIAU BERKATA, TIADA GUNA PEKERJA TERLALU BEBAS BERTINDAK SEHINGGA MENWUJUDKAN KETIDAKSTABILAN DALAM INDUSTRI KERANA IA AKAN MENGAKIBATKAN PEKERJA KEHILANGAN PEKERJAAN MANAKALA YANG MENGGANGGUR SUKAR MENDAPAT PELUANG PEKERJAAN.

+FALSAFAH KITA MENGENAI BURUH DAN KEGIATAN BURUH IALAH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN BURUH TANPA MENJEJASKAN EKONOMI NEGARA,+ KATA BELIAU.

MENURUTNYA, JALAN PENYELESAIAN SECARA KONFRANTASI ATAU MENGUJI SIAPA LEBIH KUAT SUDAH KETINGGALAN ZAMAN MALAHAN TIDAK LAGI DIAMALKAN DI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TINDAKAN MOGOK ATAU +LOCK-OUT+ UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH CUMA MEMBINASAKAN MAJIKAN DAN PEKERJA SERTA MENJEJASKAN EKONOMI NEGARA DAN RAKYAT MENDERITA. -- LAGI.

1617MST 25 05 90

U B721 AAB  
MAHATHIR - GSP 4 KUALA LUMPUR

MALAH PENIAGA GERAI YANG DIADAKAN UNTUK KEMUDAHAN PEKERJA JUGA AKAN MENGALAMI KERUGIAN SEKIRANYA BERLAKU MOGOK, KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA HASRAT KERAJAAN IALAH UNTUK MENGAGIHKAN KEKAYAAN SECARA SAKSAMA KEPADA SEMUA PIHAK.

KERAJAAN TIDAK BOLEH MENGUTAMAKAN SATU PIHAK SAHAJA, KATANYA DAN MENAMBAH KATA: +KITA PERLU MENGAKUI PERANAN PEKERJA DAN JUGA PELABUR, KERANA TANPA PELABUR TIDAK WUJUD PEKERJAAN DAN SEBALIKNYA.

+TANPA PERTUMBUHAN EKONOMI, RAKYAT TIDAK DAPAT MENIKMATI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KERANA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENGUTIP HASIL,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1618MST 25 05 90